

٣٩٦ - حَدَّثَنَا آدَمُ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا قَتَادَةُ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الْمُؤْمِنَ إِذَا كَانَ فِي الصَّلَاةِ فَإِنَّمَا يُتَاجَى رَبَّهُ فَلَا يَزُفَنَّ بَيْنَ يَدَيْهِ وَلَا عَنْ يَمِينِهِ وَلَكِنْ عَنْ يَسَارِهِ أَوْ تَحْتَ قَدَمِهِ

396- Adam meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'bah meriwayatkan kepada kami, katanya: Qatadah meriwayatkan kepada kami, katanya: Aku telah mendengar Anas bin Malik berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Apabila seseorang mu'min itu bersembahyang, sebenarnya dia berbicara dengan Tuhannya. Oleh itu, janganlah dia meludah ke sebelah hadapan dan jangan juga ke sebelah kanan tetapi hendaklah ke sebelah kiri atau ke bawah tapak kakinya."

٣٩٧ - حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ حَدَّثَنَا الزُّهْرِيُّ عَنْ حُمَيْدِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَبْصَرَ نُخَامَةً فِي قِبْلَةِ الْمَسْجِدِ فَحَكَّهَا بِحَصَاةٍ ثُمَّ نَهَى أَنْ يَزُوقَ الرَّحْلُ بَيْنَ يَدَيْهِ أَوْ عَنْ يَمِينِهِ وَلَكِنْ عَنْ يَسَارِهِ أَوْ تَحْتَ قَدَمِهِ الْيُسْرَى وَعَنِ الزُّهْرِيِّ سَمِعَ حُمَيْدًا عَنْ أَبِي سَعِيدٍ نَحْوَهُ

397- `Ali bin `Abdillah meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan meriwayatkan kepada kami, katanya: az-Zuhri meriwayatkan kepada kami daripada Humaid bin Abdir Rahman daripada Abi Sa'id bahawa: "Pernah Nabi s.a.w. nampak kahak di sebelah qiblat masjid. Baginda s.a.w. terus menanggalkannya dengan sebiji anak batu. Kemudian melarang orang (yang bersembahyang) daripada meludah ke sebelah hadapan atau ke sebelah kanan. Sebaliknya dia hendaklah meludah ke sebelah kiri atau ke bawah tapak kaki kirinya. (Diriwayatkan) daripada az-Zuhri bahawa dia mendengar Humaid (meriwayatkan) daripada Abi Sa'id hadits yang sama mafhumnya dengan hadits ini.

بَابُ كَهَارَةِ الْبَرَاقِ فِي الْمَسْجِدِ

10- Bab Kaffarah Berludah Di Dalam Masjid.⁵⁴⁷

zaman yang berbeza. Qadhi `Iyaadh tokoh dalam mazhab Malik dan Nawawi pula adalah tokoh dalam mazhab Syafi'e. Oleh kerana kebanyakan `ulama' yang datang kemudian daripada mereka memilih salah satu daripada dua jalan yang telah dipilih oleh dua tokoh tersebut, maka khilaf mereka dalam masalah ini lebih terkenal dengan aliran `Iyaadh dan aliran Nawawi. Bab ini mengisyratkan kepada aliran Qadhi `Iyaadh dan bab selepas ini pula mengisyratkan kepada aliran Nawawi. Hakikat ini yang perlu sekali difahami untuk memahami dua tajuk bab Bukhari ini.

⁵⁴⁷ Seperti telah disebutkan sebelum ini bahawa bab ini mengisyratkan kepada aliran Nawawi. Ini kerana di dalam hadits di bawah bab ini tersebut perkataan kaffarah (penghapus dosa) dan khathi'ah (dosa / kesalahan). Hadits inilah yang menjadi asas kepada aliran Nawawi.

٣٩٨ - حَدَّثَنَا آدَمُ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا قَتَادَةُ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْبِرَاقُ فِي الْمَسْجِدِ خَطِيئَةٌ وَكَفَّارَتُهَا دَفْنُهَا

398- Adam meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'bah meriwayatkan kepada kami, katanya: Qatadah meriwayatkan kepada kami katanya: Aku telah mendengar Anas bin Malik berkata: Nabi s.a.w. bersabda: "Meludah di dalam masjid adalah suatu kesalahan dan kaffarah (penghapus / penutup) kepada kesalahan itu ialah menimbusnya."

بَابُ دَفْنِ النُّجَامَةِ فِي الْمَسْجِدِ

II- Bab Menimbus Kahak Di Dalam Masjid.⁵⁴⁸

٣٩٩ - حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ نَصْرٍ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّزَّاقِ عَنْ مَعْمَرٍ عَنْ هَمَّامٍ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا قَامَ أَحَدُكُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَلَا يَنْصُقْ أَمَامَهُ فَإِنَّمَا يُنَاجِي اللَّهَ مَا دَامَ فِي مُصَلَّاهُ وَلَا عَنْ يَمِينِهِ فَإِنْ عَنْ يَمِينِهِ مَلَكًا وَلْيَنْصُقْ عَنْ يَسَارِهِ أَوْ تَحْتَ قَدَمِهِ فَيَذْنُهَا

⁵⁴⁸ Kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari tidak menyebut tujuan beliau mengadakan bab ini selain daripada untuk menyatakan keharusannya. Padahal masih banyak lagi pandangan dan taujihat (saluran-saluran untuk memahami pendapat dan idea seseorang) yang dapat dikemukakan untuk menjelaskan maksud Bukhari melalui tajuk bab ini. Antaranya ialah: (1) Mengkhususkan arahan Nabi s.a.w. supaya menimbuskan air ludah, hingus, kahak dan sebagainya dengan masjid. Adapun di luar masjid ia tidak perlu dilakukan. (2) Mentaqyidkan kemuthlaqan hadits yang tersebut di bawah bab ini dan hadits-hadits lain seumpamanya. (3) Menolak pendapat orang yang mengatakan meludah dan berkahak di dalam masjid tidak dilarang melainkan kerana menghormatinya. Menimbus air ludah dan kahak dengan pasir atau tanah tidak melepaskan seseorang daripada kebiadabannya. Dengan berbuat begitu sebenarnya dia masih lagi tidak menghormati masjid. Sebabnya ialah apa yang dikatakan masjid itu termasuk juga tapaknya hingga ke bahagian bawah tanah. Jadi anjuran Rasulullah s.a.w. supaya menimbus air ludah atau kahak itu sesungguhnya merupakan kinayah kepada membuangnya di luar masjid. Itulah pendapat ar-Ruyaani. Bagi Bukhari dan jumhur 'ulama' anjuran Rasulullah s.a.w. itu bukan merupakan kinayah malah ia adalah suatu hakikat yang boleh dilakukan oleh orang yang sedang bersembahyang di dalam masjid. Perbuatan menimbus air ludah atau kahak dengan pasir dan tanah di bawah tapak kaki tidak boleh dikira sebagai tidak menghormati masjid kerana ia pada hakikatnya bukan najis pun. Ia tidak lebih daripada sesuatu yang menjijikkan. Apabila ditimbus habislah ceritanya. Di dalam tanah di bawah tapak kaki manusia tidak kira sama ada di masjid atau di luar masjid entah sebanyak mana terdapat kekotoran dan benda-benda yang menjijikkan, lebih teruk lagi daripada air ludah dan kahak. Di bawahnya bahkan terdapat bangkai yang jelas najisnya, namun itu semua tentu tidak menjejaskan sembahyang seseorang yang berada di permukaannya. (4) Imam Bukhari mungkin juga mahu menarik perhatian para pembacanya tentang sebab larangan meludah dan berkahak di dalam masjid dan perintah menimbuskannya oleh Nabi s.a.w. itu. Selain untuk menghormati masjid ada lagi sebab lain yang tidak kurang penting daripadanya iaitu sebagai menghormati malaikat yang datang secara khusus kepada orang yang bersembahyang. Apabila seseorang bersembahyang datangnya malaikat itu menghampirinya di sebelah kanan. Sedia dima'lumi bahawa malaikat ada sejenis makhluk Allah yang tidak suka kepada kekotoran dan benda-benda yang menjijikkan.

399- Ishaq bin Nashr telah meriwayatkan kepada kami, katanya: Abdur Razzaq meriwayatkan kepada kami daripada Ma'mar daripada Hammam (bahawa) dia mendengar Abu Hurairah meriwayatkan sabda Nabi s.a.w.: "Apabila seseorang daripada kamu berdiri untuk bersembahyang, maka janganlah dia meludah ke hadapan kerana sesungguhnya dia sedang bermunajat dengan Allah selagi masih di tempat sembahyangnya, jangan juga ke sebelah kanan kerana sesungguhnya di sebelah kanannya ada malaikat,⁵⁵⁰ tetapi hendaklah dia meludah ke sebelah kiri atau ke bawah tapak kakinya lalu menimbusnya."

بَابُ إِذَا بَدَرَهُ الْبَرَاءُ فَلْيَأْخُذْ بِطَرَفِ ثَوْبِهِ

12- Bab: Apabila Seseorang Itu Terdorong (Terpaksa Juga) Meludah, Maka Hendaklah Dia Mengambil Ludahnya Itu Dengan Hujung Kainnya.⁵⁵¹

⁵⁵⁰ Perkataan malaikat di dalam teks asalnya digunakan dalam bentuk nakirah. Nakirah di sini dipakai dengan erti besar, agung, istimewa, khusus dan sebagainya (اللتعظيم). Maksudnya ialah malaikat yang datang itu bukan malaikat yang sentiasa berada di sebelah kanan dan kiri seseorang untuk mencatat amalan baik dan amalan buruknya tetapi ia adalah malaikat lain yang cukup istimewa. Ia hanya datang apabila seseorang bersembahyang.

⁵⁵¹ Tajuk bab ini dibuat Bukhari untuk menyatakan beberapa perkara berikut: (1) Qaid yang dimasukkan oleh beliau di dalam tajuk bab di atas walaupun tiada di dalam hadits di bawah bab ini atau di tempat-tempat lain di dalam Sahihnya, namun ia ada di dalam riwayat-riwayat orang lain seperti Muslim, Ahmad, Abu Daud, Ibnu Hibbaan, Ibnu Khuzaimah, Abu Ya'la, Hakim, Darimi dan lain-lain. Oleh kerana hadits ini dengan qaid yang dikemukakan oleh Bukhari di dalam tajuk bab di atas tidak menepati syarat untuk Sahihnya, maka beliau berpada dengan mengisyaratkan saja kepadanya di dalam tajuk bab ini. Sebagai contoh, berikut di kemukakan teks hadits berkenaan dengan qaid di atas seperti yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dengan sanadnya daripada Abi Sa'id al-Kudri r.a. berserta terjemahannya. Kata Abu Sa'id:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُعْجِبُهُ الْعَرَابِيُّ أَنْ يُمَسِّكَهَا بِيَدِهِ فَخَلَّ الْمَسْجِدَ ذَاتَ يَوْمٍ وَفِي يَدِهِ وَاحِدٌ مِنْهَا فَرَأَى نُحَامَاتٍ فِي قِبْلَةِ الْمَسْجِدِ فَطَنَهُنَّ بِهِ حَتَّى انْقَاضَتْ ثُمَّ أَقْبَلَ عَلَى النَّاسِ مُغْضِبًا فَقَالَ أَجِبُ أَحَدَكُمْ أَنْ يَسْتَقْبِلَهُ رَجُلٌ فَيَبْصُقَ فِي وَجْهِهِ إِنْ أَحَدَكُمْ إِذَا قَامَ إِلَى الصَّلَاةِ فَإِنَّمَا يَسْتَقْبِلُ رَبَّهُ عَزَّ وَجَلَّ وَالْمَلَكُ عَنْ يَمِينِهِ قَلْبًا يَبْصُقُ بَيْنَ يَدَيْهِ وَلَا عَنْ يَمِينِهِ وَلْيَبْصُقْ تَحْتَ قَدَمَيْهِ الْيُسْرَى أَوْ عَنْ يَسَارِهِ فَإِنْ عَجَلَتْ يَدُهُ بَابِرَةٍ فَلْيَقْلُ هَكَذَا وَرَدَّ بَعْضُهُ عَلَى بَعْضٍ وَقَالَ يَحْيَى فِي ثَوْبِهِ وَتِلْكَ

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. suka memegang tandan pokok kurma (untuk sesuatu keperluannya). Pada suatu hari beliau s.a.w. masuk ke dalam masjid dengan tandan di tangannya. Setelah nampak beberapa tompok kahak di sebelah qiblat masjid, Rasulullah s.a.w. menanggalkannya sehingga bersih. Kemudian dengan marah baginda s.a.w. menghadap orang ramai seraya berkata: "Adakah seseorang daripada kamu suka apabila ada orang menghadapinya, tiba-tiba orang itu meludah ke mukanya? Apabila seseorang daripada kamu bangkit bersembahyang sebetulnya dia menghadapi Tuhannya 'azza wajalla. Malaikat pula berada di sebelah kanannya. Oleh itu janganlah dia meludah ke sebelah hadapan dan ke sebelah kanannya, malah dia hendaklah meludah ke bawah tapak kaki kiri atau ke sebelah kirinya. Jika dia terdorong (terpaksa) meludah, maka hendaklah dilakukannya begini sambil baginda s.a.w. menggosok-gosok kainnya." Yahya (perawi hadits ini) meludah ke dalam kainnya lalu menggosok-gosoknya (sebagai mengajuk perbuatan Nabi s.a.w.). (2) Hadits muthlaq di bawah bab ini mestilah diqaidkan dengan hadits lain seperti hadits Ahmad tadi misalnya. (3) Perkataan أو di dalam hadits di atas bukan untuk mempelbagaikan cara (التنوع), bukan juga untuk memberi erti sama saja atau sama ada (التسوية) tetapi untuk di pilih salah satu daripadanya sesuai dengan keadaan (اللتخير). (4) Tajuk bab ini merupakan salah satu tajuk bab yang bertindak menjelaskan ma'na dan maksud hadits (ترجمة شارحة). Tarjamah syarihah mungkin digunakan Bukhari untuk menjelaskan yang samar, mengumumkan yang khusus, mengkhususkan yang umum, mengqaidkan yang muthlaq dan lain-lain.

٤٠٠ - حَدَّثَنَا مَالِكُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ قَالَ حَدَّثَنَا زُهَيْرٌ قَالَ حَدَّثَنَا حُمَيْدٌ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى نُخَامَةً فِي الْقِبْلَةِ فَحَكَّهَا بِيَدِهِ وَرُئِيَ مِنْهُ كَرَاهِيَةٌ أَوْ رُئِيَ كَرَاهِيَتُهُ لِدَلِكِ وَشِدَّتُهُ عَلَيْهِ وَقَالَ إِنَّ أَحَدَكُمْ إِذَا قَامَ فِي صَلَاتِهِ فَإِنَّمَا يُنَاجِي رَبَّهُ أَوْ رَبُّهُ يَبْنُو وَبَيْنَ قِبْلَتِهِ فَلَا يَزُقُّ فِي قِبْلَتِهِ وَلَكِنْ عَنْ يَسَارِهِ أَوْ تَحْتَ قَدَمِهِ ثُمَّ أَخَذَ طَرَفَ رِدَائِهِ فَبَزَقَ فِيهِ وَرَدَّ بَعْضَهُ عَلَى بَعْضٍ قَالَ أَوْ يَفْعَلُ هَكَذَا

400- Malik bin Ismail meriwayatkan kepada kami, katanya: Zuhair meriwayatkan kepada kami, katanya: Humaid meriwayatkan kepada kami daripada Anas bin Malik bahawa Nabi s.a.w. pernah nampak kahak di (dinding) sebelah qiblat. Baginda s.a.w. terus menanggalkannya. Beliau s.a.w. kelihatan amat tidak senang dan memandang berat perbuatan itu. Krnnya beliau s.a.w. bersabda: “Seseorang daripada kamu apabila bersembahyang, sesungguhnya dia bermunajat dengan Tuhannya atau Tuhannya berada di antaranya dan qiblatnya. Oleh itu janganlah dia meludah ke sebelah qiblatnya tetapi hendaklah ke sebelah kiri atau ke bawah tapak kakinya. Kemudian Nabi s.a.w. mengambil hujung kainnya lalu meludah ke dalamnya dan melipatnya sambil berkata: “atau dia melakukan begini”.⁵⁵²

⁵⁵² Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Elok membersihkan masjid daripada segala benda yang kotor atau menjijikkan. (2) Pemimpin atau imam patut mengambil berat tentang hal ehwal masjid dan bertanggungjawab tentang kebersihannya. (3) Orang yang sedang bersembahyang boleh meludah jika terdesak. Meludah tidak membatalkan sembahyangnya. (4) Elok atau tidak eloknya sesuatu harus ditentukan berdasarkan syara'. Di dalam hadits di atas Rasulullah s.a.w. melebihi sebelah kanan daripada sebelah kiri. Beliau juga melebihi tangan daripada kaki.